



KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD
31, Tingkat Bawah, Wisma KOGURU, Jalan Hiliran,
21000 Kuala Terengganu
Tel. : 09-6221881 / 09-622881, 09-6241850
Email : koguru.terengganu@gmail.com



Ruj. Kami : KOGURU. 10 – 04/03 (19)
Tarikh : 1 Disember 2025

Yang dihormati,
Anggota Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad,

Tuan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa merujuk **Seksyen 37 Akta** dan **UUK 26** bahawa Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad akan diadakan sebagaimana butiran berikut:

Tarikh	Hari	Masa Daftar Mesyuarat	Kawasan/ Daerah	Tempat Secara Hibrid
06.2.26	Jumaat	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Kuala Nerus	Lokasi masing-masing secara maya
07.2.26	Sabtu	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Besut	
13.2.26	Jumaat	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Setiu	
14.2.26	Sabtu	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Hulu Terengganu	
27.2.26	Jumaat	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Marang	
28.2.26	Sabtu	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Kuala Terengganu 1 (Sekolah Rendah)	
06.3.26	Jumaat	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Kuala Terengganu 2 (Sekolah Menengah)	
07.3.26	Sabtu	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Kemaman	
13.3.26	Jumaat	8.00 pagi - 9.00 pagi	Kawasan Dungun	

2. Sehubungan dengan itu, semua anggota yang layak dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Kawasan mengikut daerah/ kawasan yang ditetapkan secara dalam talian sahaja yang perlu mematuhi peraturan (Rujuk Lampiran A, Lampiran B1, Lampiran B2, dan Lampiran C).

- 2.1 Anggota Aktif yang layak dikehendaki mendaftar mengikut Kawasan / Daerah berkhidmat atau berdasarkan Pangkalan Data Anggota KOGURU yang terkini;
- 2.2 Anggota Bersara Aktif yang layak dikehendaki mendaftar mengikut Kawasan / Daerah semasa berkhidmat sebelum bersara atau berdasarkan Pangkalan Data Anggota KOGURU yang terkini; dan
- 2.3 Anggota Aktif Luar Negeri yang layak dikehendaki mendaftar mengikut Kawasan / Daerah yang dibuat pilihan atau berdasarkan Pangkalan Data Anggota KOGURU yang terkini.

3. Berikut adalah jadual proses pendaftaran dan perjalanan Mesyuarat Agung Kawasan tahun 2026 dan sekiranya berlaku sebarang perubahan pindaan akan dimaklumkan kemudian.

Bil	Tarikh / Masa	Catatan
1	1 Disember 2025 hingga 1 Januari 2026	Tempoh Pendaftaran dan Pengesahan pendaftaran Url pendaftaran: http://www.koguru.my/mak2026
2	22 Januari 2026 (Khamis)	Buku Mesyuarat Agung Kawasan boleh dimuatturun melalui eKOGURU atau akan di e-melkan kepada anggota yang layak.
3	22 Januari 2026 (Khamis)	Diberikan Maklumat Daftar Masuk mesyuarat
4	16.2.2026 hingga 13.3.2026 (sila rujuk jadual MAK)	8.00 pagi hingga 9.00 pagi Maklumat Daftar Masuk mesyuarat dan menyertai MAK sepenuhnya.
5	7 hari bekerja akan diberi baucar mesyuarat	Kehadiran mesyuarat direkod dan pemberian baucar mesyuarat dan tuntutan melalui eKOGURU.

4. Bagi agenda 2 iaitu Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat bagi menguruskan mesyuarat dan seorang Setiausaha Mesyuarat untuk merekodkan segala butiran mesyuarat berdasarkan UUK 26(8). Sehubungan dengan itu, semua anggota di Kawasan/ Daerah mesyuarat berkenaan yang berhasrat menawarkan diri dengan melengkap Borang Pencalonan Pengerusi Mesyuarat atau Setiausaha Mesyuarat (Lampiran B1 dan Lampiran B2) dan perlu dihantar ke Pejabat KOGURU pada atau sebelum 22 Januari 2026 (Khamis), jam 3.00 petang.

5. Sila hubungi Puan Noraini bt Mohamed di talian 012-9221140 atau Encik Mohd Alif bin Engku Zainuddin di talian 010-9006282, sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkaitan notis ini.

Sekian, Terima kasih.

“ANGGOTA DIDAHULUKAN, KOPERASI DIUTAMAKAN”
“60 Tahun KOGURU Sentiasa Di Hati”

Saya yang menjalankan amanah Anggota Lembaga,
Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad



.....
(**JUHARI BIN ISMAIL**)
Setiausaha Kehormat

s.k.

1. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Terengganu
2. Pengerusi Kehormat KOGURU

Maklumat aturcara majlis dan agenda Mesyuarat Agung Kawasan Tahun 2026

ATURCARA MAJLIS MESYUARAT

8:00 pagi : Pendaftaran kehadiran anggota
: Anggota mengambil tempat
: Taklimat Perkhidmatan dan Produk

AGENDA MESYUARAT

9.15 pagi : Ucapan Pengacara Majlis
: Bacaan doa
: Ucapan Pengerusi KOGURU

Agenda 1

Alu-aluan Pengerusi Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad

Agenda 2

Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat bagi mempengerusikan mesyuarat dan seorang Setiausaha Mesyuarat untuk merekodkan segala butiran mesyuarat berdasarkan UUK 26(8);

Agenda 3

Membentang Draf Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2025;

Agenda 4

Membentang Anggaran Belanjawan Tahun 2026 dan 2027 untuk ditimbang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan;

Agenda 5

Membentang Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil; (jika ada);

Agenda 6

Membentang Usul daripada Anggota Lembaga dan Anggota KOGURU (jika ada) yang diterima dalam masa tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Kawasan;

Agenda 7

Ucapan Penangguhan.

SOP PENDAFTARAN ANGGOTA MESYUARAT AGUNG KAWASAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

Tempoh Pendaftaran: 1 Disember 2025 (Isnin) hingga 1 Januari 2026 (Khamis)

1. Tujuan

SOP ini disediakan bagi memastikan proses pendaftaran anggota Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) Koperasi dijalankan secara teratur, sah dan dalam tempoh masa yang ditetapkan melalui platform dalam talian.

2. Skop

SOP ini terpakai kepada semua **Anggota Yang Layak** menghadiri Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi bagi tahun 2026.

3. Tatacara Pendaftaran

- i. Setiap **anggota diwajibkan untuk membuat pendaftaran secara dalam talian** dalam tempoh 30 hari yang ditetapkan (1 Disember 2025 – 1 Januari 2026).
- ii. **Kegagalan membuat pendaftaran dalam tempoh tersebut akan menyebabkan anggota dianggap tidak menghadiri Mesyuarat Agung Kawasan (MAK).**
- iii. Pendaftaran boleh dibuat melalui pautan rasmi yang akan disediakan oleh urus setia Koperasi iaitu melalui url berikut: <http://www.koguru.my/mak2026>
- iv. Setiap anggota perlu mengisi **nama penuh seperti dalam MyKAD, nombor anggota Koperasi, kawasan, nombor telefon, dan e-mel aktif** semasa pendaftaran.
- v. **Maklumat Daftar Masuk** akan dihantar secara ke e-mel atau SMS pada bermula **11 Januari 2026** selepas pengesahan kelayakan anggota berjaya dibuat.

4. Tempoh dan Masa Pendaftaran Masuk Mesyuarat

- i. Pendaftaran dibuka **bermula jam 8.00 pagi**,
- ii. Pendaftaran ditutup **tepat jam 9.00 pagi**,
- iii. Sebarang pendaftaran selepas masa penutupan **tidak akan diterima**.

5. Tanggungjawab Anggota

- i. Anggota hendaklah memastikan semua maklumat yang diisi adalah tepat dan sah.
- ii. Anggota digalakkan membuat pendaftaran lebih awal bagi mengelakkan masalah teknikal atau kelewatan.
- iii. Anggota bertanggungjawab menyimpan bukti pendaftaran (Maklumat Daftar Masuk) sebagai rujukan semasa hari mesyuarat.

6. Urus Setia

- i. Urus setia koperasi akan menyemak semua pendaftaran dan mengesahkan kelayakan anggota dan kehadiran mengikut rekod yang diterima.
- ii. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada urus setia melalui e-mel rasmi Koperasi atau talian bantuan yang disediakan.
- iii. Talian bantuan seperti berikut:
 - 011-55501881 (Unit ICT)
 - 010-9006282 (Mohd Alif bin Engku Zainuddin)
 - 012-9221140 (Noraini binti Mohamed)

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN SEMASA PENDAFTARAN ONLINE MESYUARAT AGUNG KAWASAN

A. MAKLUMAT MESYUARAT

1. **Kod Mesyuarat** – contoh: MAK2025-KOGURU-XX
(Kod unik bagi setiap kawasan, ditentukan oleh urus setia. Contoh: MAK2025-KOGURU-KUALANERUS)
2. **Nama Kawasan** – contoh: *Kawasan Kuala Nerus / Kuala Terengganu / Dungun*
3. **Tarikh Mesyuarat** – (akan dimaklumkan mengikut kawasan)
4. **Platform Mesyuarat Dalam Talian**

B. MAKLUMAT ANGGOTA

1. **Nama Penuh (Seperti MyKAD)**
2. **Nombor MyKAD**
3. **Nombor Anggota Koperasi**
4. **Kawasan / Daerah Mesyuarat**
5. **Alamat E-mel Aktif** (*untuk penghantaran pengesahan dan pautan mesyuarat*)
6. **Nombor Telefon Bimbit** (*untuk pengesahan OTP atau mesej peringatan*)
7. **Alamat Surat-Menyurat** (jika diperlukan untuk sijil atau dokumen rasmi)
8. **Nama Sekolah / Institusi / Tempat Bertugas**

C. MAKLUMAT PENGESAHAN DAN KEHADIRAN

1. **Tarikh dan Masa Pendaftaran Dilakukan** (*automatik oleh sistem*)
2. **Pengesahan “Saya mengesahkan maklumat ini adalah benar dan sah”** (checkbox wajib)
3. **Maklumat Daftar Masuk** akan dihantar secara ke e-mel / SMS selepas pengesahan kelayakan anggota berjaya dibuat.



KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD

BORANG PENCALONAN Pengerusi Mesyuarat Mesyuarat Agung Kawasan TAHUN 2026

NAMA CALON :

NO. K/PENGENALAN : NO. ANGGOTA :

TEMPAT BERTUGAS :

TANDATANGAN CALON :

Gambar
Calon terkini
(ukuran passport)

NAMA PENCADANG :

NO. K/PENGENALAN : NO. ANGGOTA :

TEMPAT BERTUGAS :

TANDATANGAN PENCADANG :

NAMA PENYOKONG :

NO. K/PENGENALAN : NO. ANGGOTA :

TEMPAT BERTUGAS :

TANDATANGAN PENYOKONG :

SYARAT KELAYAKAN BERTANDING :

1. Menjadi perwakilan yang layak ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026 berkenaan
2. Berupaya mengendalikan dan mencatat perjalanan MAK
3. Bersetuju hadir dan datang ke Bilik Seminar KOGURU pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
4. Tarikh tutup : **Rabu 7 Januari 2026, jam 4.00 petang.**
5. Borang yang tidak memenuhi syarat, tidak lengkap dan lewat diterima, pencalonan tuan / puan akan ditolak.

Cop penerimaan

BORANG PENCALONAN SETIAUSAHA MESYUARAT MESYUARAT AGUNG KAWASAN TAHUN 2026

**Gambar
Calon terkini
(ukuran passport)**

TANDATANGAN PENYOKONG :

1. Menjadi perwakilan yang layak ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026 yang berkenaan.
2. Berupaya mengendalikan dan mencatat perjalanan MAK
3. Bersetuju hadir dan datang ke Bilik Seminar KOGURU pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
4. Tarikh tutup : **Rabu 7 Januari 2026, jam 4.00 petang.**
5. Borang yang tidak memenuhi syarat, tidak lengkap dan lewat diterima, pencalonan tuan / puan akan ditolak.

Cop penerimaan

ETIKA MESYUARAT DALAM TALIAN SECARA HIBRID

1. Anggota perlu memakai pakaian yang bersesuaian dan sopan sepanjang mesyuarat berlangsung.
2. Anggota perlu meletakkan nama sebenar (Nama Penuh) masing-masing seperti Nama di MyKAD dan kawasan di dalam aplikasi zoom meeting.
3. Sila rename nama tuan/puan sekiranya nama yang tertera adalah berbeza dari nama sebenar di MyKAD.
4. Pastikan kamera sentiasa dibuka dan mikrofon sentiasa dalam mode mute.
5. Anggota tidak dibenarkan membuat sebarang rakaman audio atau pun video tanpa kebenaran.
6. Sekiranya Anggota ingin mengajukan soalan pada agenda yang berkenaan, Anggota perlulah menekan icon raise hand terlebih dahulu dan menunggu keizinan Pengerusi Mesyuarat dan anggota hendaklah menekan butang “unmute” sebelum mengutarakan soalan.
7. Ruangan Chat Box yang tersedia di ‘Zoom Meeting’ hanya digunakan untuk pertanyaan berkenaan teknikal sahaja dan sebarang pertanyaan lain tidak akan dijawab oleh urusetia agar setiap Anggota dapat menumpukan sepenuh perhatian sepanjang sesi mesyuarat berlangsung.
8. Anggota dikehendaki berada dalam talian sepanjang mesyuarat berlangsung bagi melayakkan mendapat baucar mesyuarat.
9. Baucar Mesyuarat hanya boleh dituntut melalui aplikasi eKOGURU sahaja selepas **tujuh hari bekerja** mesyuarat kawasan berkenaan.
10. Jika Anggota mempunyai sebarang permasalahan, sila rujuk dengan urusetia teknikal melalui panggilan telefon (helpdesk).